

## TEMA-TEMA SUFI DALAM ANTOLOGI PUISI “DI MALAM GELITA INI”, KARYA SUHAIMI HAJI MUHAMMAD

Aishah Isahak<sup>i</sup>, Rosni Samah<sup>ii</sup>, Wan Azura Wan Ahmad<sup>iii</sup> & Mohamed Ibrahim<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden). Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. aishah\_isahak@usim.edu.my.

<sup>ii</sup> Profesor, Universiti Sains Islam Malaysia. rosni@usim.edu.my.

<sup>iii</sup> Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. wanazura@usim.edu.my.

<sup>iv</sup> Profesor Madya, Universiti Sains Islam Malaysia. mohamed@usim.edu.my

### Abstrak

*Penyair Suhaimi Haiji Muhammad merupakan seorang penyair yang banyak mengemukakan fikrah tasawuf di dalam antologi puisinya “Di Malam Gelita Ini” (1982). Kajian ini mengkaji tiga tema yang terdapat di dalam antologi tersebut iaitu; pertama: Kerinduan,kecintaan Ilahi dan mabuk Sufi, kedua: Keagungan dan Kebesaran Ilahi, dan ketiga: Pengembaraan Sufi dan kenangan Ilahi. Kajian ini juga menganalisis makna di sebalik tema-tema tersebut. Analisis kajian menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian teks serta diperkukuhkan dengan petikan puisi dan pandangan yang dikumpul menerusi kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa kesemua tiga tema ada di dalam antologi pilihan, di mana Suhaimi banyak mengemukakan tema Keagungan dan Kebesaran Ilahi dan tema Kerinduan,kecintaan Ilahi dan mabuk Sufi. Ini membuktikan bahawa penyair membincangkan tentang fikrah Sufi di dalam antologinya melalui tiga tema di atas dengan gaya bahasa yang puitis dan simbolisme yang mendalam, antologi ini bukan sahaja memperkaya khazanah kesusasteraan Melayu tetapi juga memberikan ruang untuk pembaca merenung ke dalam diri dan mendekati diri kepada Yang Maha Esa.*

**Kata Kunci:** Tema sufi, Puisi Malaysia Moden,Cinta Ilahi, Suhaimi Haji Muhammad, Puisi Kerohanian

### PENDAHULUAN

Puisi Sufi di dalam Sastera Malaysia Moden adalah cabang dari kesusasteraan yang mendalami aspek kerohanian, di mana memfokuskan pada pencarian makna hidup dan hubungan dengan Allah SWT. Sastera ini telah berkembang sebagai genre yang menarik perhatian ramai, bermula selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu sehingga kini.

Menurut Baharuddin Ahmad (2018),<sup>1</sup> pemikiran Sufi dalam puisi melibatkan doktrin ketuhanan, sifat dan realiti Nabi Muhammad serta pemikiran para wali dan awliya. Ini memperkukuhkan bahawa sastera Sufi sebagai sebuah khazanah ilmu atau gedung ilmu yang besar, di mana boleh berdiri dengan sendirinya.

Oleh itu, kertas kerja ini memilih untuk mengkaji tema-tema Sufi dalam antologi “Di Malam Gelita Ini”, karya Suhaimi Haji Muhammad kerana beliau merupakan seorang penyair dan penulis terkenal di Malaysia. Beliau dilahirkan

---

<sup>1</sup> Baharudin Ahmad. 2018. Rangkaian Sastera Sufi. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. xix.

pada 8 Februari 1934, di Kampung Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak. Suhaimi mula menunjukkan minat dalam penulisan sejak zaman sekolah, dan minat ini berkembang menjadi kerjaya yang berjaya dalam bidang sastera Melayu.<sup>2</sup>

Sebagai seorang penyair, Suhaimi Haji Muhammad dikenali kerana kepakarannya dalam menulis puisi yang penuh dengan makna mendalam dan refleksi terhadap kehidupan, budaya, dan identiti. Beliau juga seorang yang prolific, menulis banyak karya yang mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan.<sup>3</sup>

"*Di Malam Gelita Ini*" adalah salah satu daripada antologi puisi terkenal karya Suhaimi Haji Muhammad. Antologi ini mengandungi pelbagai puisi yang memaparkan renungan beliau terhadap isu-isu kehidupan, termasuk tema ketuhanan, kemanusiaan, dan alam. Gaya penulisan beliau yang unik dan penggunaan bahasa yang indah menjadikan antologi ini sangat berkesan dalam menyentuh hati pembaca.<sup>4</sup>

### **Tema Sufi dalam puisi**

Setiap hasil karya puisi mempunyai tema yang menggambarkan pemikiran penyair. Begitu juga penyair Sufi akan menukulkan fikrah Sufi dengan menggunakan tema-tema khusus sehingga dapat menyentuh hati pembaca agar dapat mengenali Pencipta dan berusaha untuk mendekatkan diri dengan-Nya.

Tema Sufi dalam puisi adalah salah satu tema yang sangat kaya dan mendalam, sering kali berfokus pada pengalaman spiritual, pencarian kebenaran, serta hubungan antara makhluk dan Allah. Puisi-puisi Sufi biasanya mengeksplorasi konsep-konsep seperti kerinduan, kecintaan Ilahi, mabuk Sufi, keagungan Ilahi, pengembaraan Sufi dan kenangan Ilahi.

Pertama: Tema kerinduan, kecintaan terhadap Ilahi dan mabuk Sufi. Cinta adalah perasaan suci yang muncul dari hati yang bersih untuk mengikat dua insan atau lebih. Hasilnya, pencinta menyerahkan seluruh jiwanya dan sanggup berkorban apa sahaja yang ada pada dirinya untuk kekasih.<sup>5</sup> Perasaan ini membawa kepada penyerahan sebenar jiwa pencinta ketika bertemu kekasihnya. Tambahan pula, menurut Kundharo dan Haniah(2018)<sup>6</sup>, tema paling utama dalam puisi sufistik adalah tema cinta Ilahi (*'ishq Ilahi*). Gagasan mengenai *'ishq* ini menduduki tempat utama di dalam pemikiran para penyair Sufi sejak awal perkembangan Sufisme. Contohnya, di antara para penyair Sufi yang mengetengahkan *'ishq* ialah Ibn 'Arabi dan Jalal al-Din al-Rumi dengan menggunakan simbol-simbol percintaan

---

<sup>2</sup> Aishah Isahak. 2018. *The Effect of Arabic's Ghazal in Malay's Ghazal Poems: Analysis and Comparative Study*. Irbid: Kulliyah al-Adab, Yarmouk University. 61.

<sup>3</sup> Rosni Samah. 2009. *Towards Islamic Poems in Modern Malaysian Literature*. Majallat al-Jami'ah al-Islamiah. Vol.17. No. 1. 151- 178.

<sup>4</sup> Suhaimi Haji Muhammad. 1982. *Di Malam Gelita Ini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. v- xi.

<sup>5</sup> Qasimi Kahinah. 2020. *Topics of Ancient Algerian Sufi Poetry*. Majallah al-Tahbir. Vol. 2. Bil. 2.

<sup>6</sup> Kundharu, Haniah. 2018. *Nuansa dan Simbol Sufistik: Puisi-puisi Karya Ahmad Mustofa Bisri*. Teosofi: Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam. Vol.8. No. 1. 33.

dalam karya mereka. Oleh itu, Ibnu Arabi menjelaskan bahawa cinta Ilahi adalah cinta kerohanian yang dimiliki khusus oleh ahli Sufi.<sup>7</sup>

Kedua: Tema keagungan dan kebesaran Ilahi. Tema ini pada kebiasaannya diambil daripada simbol alam semulajadi yang mencerminkan kebesaran Allah dan keagungan-Nya.<sup>8</sup> Alam semulajadi mempunyai gambaran tersendiri untuk mengungkapkan kebesaran Allah dan keindahan-Nya seperti bukit-bukau, lautan, padang, siang dan malam, bulan dan matahari. Semuanya itu merupakan bukti kewujudan dan kebesaran Allah.<sup>9</sup> Seperti firman Allah dalam ayat-Nya yang bermaksud:

*"(Mengapa mereka yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta bagaimana ia diciptakan?"(17)*

*"Dan keadaan langit, bagaimana ia ditinggikan binaanya?" (18)*

*"Dan keadaan gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan?" (19)*

*"Dan keadaan bumi, bagaimana ia dihamparkan?"(20)*

*"Oleh itu, berikanlah sahaja peringatan (wahai Muhammad, kepada manusia, dan janganlah berdukacita kiranya ada yang menolak), kerana sesungguhnya engkau hanyalah seorang Rasul pemberi peringatan" (21)*

*"Bukanlah engkau seorang yang berkuasa memaksa mereka menerima ajaran Islam yang engkau sampaikan" (22)*

( al-ghasiyah: ayat 17-22)

Ketiga: Tema pengembaraan Sufi dan kenangan Ilahi. Pengalaman kerinduan bergantung kepada hubungan suci di antara penyair dan tanahair, atau kerinduannya dengan tempat-tempat suci tertentu, atau tempat yang menjadi tarikan kepada penyair. Begitu juga penyair menggambarkan cabaran dan kesunyian perjalanan serta hari-hari kebahagiaan yang dihadapi.<sup>10</sup>

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode kualitatif-deskriptif untuk menentukan, mengkaji dan menganalisis tema-tema Sufi yang terdapat dalam antologi *"Di Malam Gelita Ini"*(1982), karya Suhaimi Haji Muhammad.

Pemilihan antologi ini adalah melihat kepada penggunaan imej dan simbolisme yang pelbagai untuk menyampaikan makna yang mendalam. Puisi-puisinya sering kali mencerminkan perasaan sunyi, kerinduan, dan pencarian makna hidup dalam dunia yang kadangkala dirasakan kelam dan gelita. Tajuk *"Di Malam Gelita Ini"* sendiri menggambarkan suasana hati dan pemikiran yang

---

<sup>7</sup> 'Abbaseh Muhammad. 2020. *Al-Tasawwuf al-Islamiy Bayna al-Ta'thir wa al-Taathhur*. Majallat Hauliyat al-Turath. No.10. Jami'ah Mustaghanem al-Jazair. 6.

<sup>8</sup> Aishah Isahak, Rosni Samah. 2023. *The Symbolism Of Malay Sufist Poet Ahmad Kamal Abdullah (Kemala)*. Al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies. Vol.32.No. 2. 282.

<sup>9</sup> Musa Haddad. 2022. *The Aesthetic of Mystical Symbol in "Lakhdar Ben Khaluf's Poetry, Case Study of Nature and Journey Symbols*. Majallat al-Dauriyat li al-Dirasat al-Adabiyah wa al-Insaniyyah. Vol. 4. No.1. 87-104.

<sup>10</sup> Qasimi Kahinah. 2020. *Topics of Ancient Algerian Sufi Poetry*. Majallah al-Tahbir. Vol. 2. Bil. 2.

mendalam, seolah-olah beliau mengajak pembaca untuk merenung bersama di tengah-tengah kegelapan malam yang penuh dengan rahsia dan misteri.

Tambahan juga Suhaimi Haji Muhammad telah memberikan sumbangan yang besar kepada dunia sastera Malaysia, dan karya "*Di Malam Gelita Ini*" terus dihargai dan dikaji oleh peminat sastera dan pelajar-pelajar di Malaysia. Ini adalah kerana antologi ini telah memenangi Peraduan Mengarang Puisi Berunsur Islam, anjuran Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1981, sempena menyambut abad kelima belas Hijrah.<sup>11</sup>

## DAPATAN KAJIAN

Setelah meneliti dan mengkaji karya pilihan, daripada keseluruhan puisi di dalam antologi ini, 19 daripadanya mengemukakan fikrah Sufi dengan tema-tema yang tertentu. Perinciannya seperti jadual berikut:-

Jadual 1: Tema-tema Sufi dalam antologi "*Di Malam Gelita Ini*"

	Tema	Jumlah
1	Kerinduan,kecintaan Ilahi dan mabuk Sufi.	8 (42%)
2	Keagungan dan Kebesaran Ilahi	9 (47%)
3.	Pengembaraan kerohanian dan kenangan Ilahi.	2 (11%)
	Jumlah	19

Daripada Jadual 1 di atas, dapat diketahui bahawa terdapat 19 puisi yang mengemukakan tema Sufi yang pelbagai, di mana kajian mendapati bahawa sembilan darinya adalah dari tema keagungan dan kebesaran Ilahi. Manakala tema kedua tertinggi pula datang dari tema kerinduan, kecintaan Ilahi dan mabuk Sufi, iaitu sebanyak lapan puisi. Seterusnya dua puisi dari tema pengembaraan Sufi dan kenangan Ilahi. Makna tersirat dalam setiap puisi tersebut akan dibincangkan dalam subtopik seterusnya.

## PERBINCANGAN

### 1. Kerinduan,kecintaan Ilahi dan mabuk Sufi.

Cinta Ilahi merupakan tema utama yang digunakan oleh para penyair bagi mengungkapkan perasaan mereka terhadap Allah SWT. Mereka menggunakan tema cinta Ilahi untuk menzahirkan perasaan keikhlasan dan keimanan kepada Allah serta hubungan dan perdampingan mereka dengan Allah yang bergitu kuat. Contohnya dalam menzahirkan cinta Ilahi, penyair Suahimi sentiasa menanti pertemuan dengan Kekasihnya, seperti katanya:<sup>12</sup>

<sup>11</sup> Suhaimi Haji Muhammad.(1982). *Di Malam Gelita Ini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. vii.

<sup>12</sup> Ibid. 29.

*Yang kupentingkan pertemuanku dengan-Mu  
aku dan Kau bersatu jasad bersatu roh  
aku dan Kau saling cinta-menyintai  
kucium harum tubuh-Mu tanpa ragu  
di Taman Cinta-Mu kita bertemu.*

Manakala, penyair Suhaimi juga menggambarkan cinta terhadap Ilahi yang begitu mendalam selepas pertemuan denganNya, seolah-olah beliau memelukNya erat bagi menzahirkan keabadian cinta, seraya berkata:<sup>13</sup>

*Dakap cinta pada nyalanya  
Hadapkan wujudmu pada nyala gurun pasir*

Suhaimi juga sentiasa ingin berdamping dengan Kekasihnya iaitu Khaliq SWT agar dapat bersatu dengan Nya. Beliau mengumpamakan dirinya seperti air yang mengalir masuk ke jantung Kekasihnya untuk menggambarkan cinta sejati yang sentiasa mekar mewangi, seperti petikan berikut:

*Janganlah bebaskan aku dari  
Aliran air mata ini  
Dan jadikan diriku air mata  
Yang sentiasa mengalir masuk  
Ke dalam tasik jantung-Mu  
Untuk bersatu dengan  
Roh Cinta-Mu.<sup>14</sup>*

Dalam petikan yang lain, penyair menyambung rasa mekar cintanya itu dalam puisinya yang lain. Beliau menggambarkan penyerahan jiwa raganya hanya kepada Allah dengan menukilkan segala rohani dan jasmaninya milik Allah semata, seperti katanya:<sup>15</sup>

*Kalbumu tercipta dari Cinta  
diresapi kilauan Cinta  
mahkotamu tercipta dari Cinta  
dinyanyikan alunan Cinta  
Cinta yang wujud dari  
Cinta Murni-Nya*

*Cintamu dipupuk wujud cinta-Nya  
dipupuk nyala cinta-Nya  
cinta-Nyalah yang menghembus  
nafas cintamu.*

Makna cinta yang sama dalam rangkap di atas turut dibayangkan dalam petikan yang lain dengan menggambarkan nafas penyair daripada Kekasihnya yang berbau wangi kerana nafas Kekasihnya itu berbau wangi. Penyair turut

---

<sup>13</sup> Suhaimi Muhamad, *Di Malam Gelita Ini*. 2.

<sup>14</sup> *Ibid.* 24.

<sup>15</sup> *Ibid.* 3.

mengumpamakan cintanya terhadap Allah seperti kemanisan madu dan keindahan yang berada pada batu permata, seperti petikan berikut: <sup>16</sup>

*Aku takkan bernafas, jika nafasku  
tidak datang dari nafas-Mu*

*Nafasku berbau wangi  
kerana nafas-Mu telah sedia berbau wangi.*

*Aku sudah menyembunyikan-Mu bagai gula dalam madu  
bagai permata dalam batu*

Bayangan cinta Ilahi yang digambarkan dalam rangkap sebelum ini, dijemakan dalam penghujung puisinya bagi membuktikan kesatuan cinta mereka yang mengekspresikan cinta penyair bersatu dalam cinta Allah, seperti dalam petikan berikut:<sup>17</sup>

*Kita dua kekasih dalam bercumbu  
terikat dalam Satu.*

Penyair juga menukilkan di tempat lain tentang perasaan keabadian cintanya yang berkekalan terhadap Ilahi walaupun kematian datang menjemput, seperti petikan berikut:<sup>18</sup>

*Aku tidak menyesal pada mati  
jika yang kekal ialah cintaku  
Tak ada yang cuba kukuluhkan  
tubuhku tinggal atau pergi.*

Suhaimi menggambarkan pertemuan seorang mujahidin dengan Allah hasil dari sebuah pengorbanan yang besar sebagai bukti cinta pada-Nya yang begitu mendalam dan abadi, dengan bayangan cinta sebagai sungai madu yang berada di syurgaNya, seperti katanya:<sup>19</sup>

*Kerana bagi kami, di sana  
telah disediakan sungai madu di taman murni  
bila kami tinggalkan bumi pasir ini*

*Waktu ini dilihatnya lagi langit  
cahaya memancar tidak putus-putus  
dan terserlah butir-butir mutiara  
sepanjang jalan.*

Di samping itu, penyair mengungkapkan perasaan cinta yang terlalu mendalam terhadap Khaliq sehingga mereka bersatu dalam keasyikan dan kemabukan. Penyair menggambarkan cinta pada permulaan merupakan sepasang kekasih, kemudian digambarkan seterusnya seperti kekasih yang bersatu dalam

---

<sup>16</sup> Ibid. 10.

<sup>17</sup> Suhaimi Muhamad, *Di Malam Gelita Ini*.13.

<sup>18</sup> Ibid..13.

<sup>19</sup> Ibid. 15.

pelukan, dan klimaksnya pasangan kekasih ini menikmati kenikmatan cinta, seperti katanya:<sup>20</sup>

*Di dalam aku dan di dalam-Mu  
ada satu Aku  
itulah Aku-Mu  
yang tidak rusak  
dan tidak terseksa kerana Anggur;  
bawakan aku ke dalam Aku-Mu itu  
supaya aku bersatu di dalam Aku-Mu  
agar aku tidak rusak  
dan tidak terseksa kerana Anggur;  
aku ingin bebas mereguk  
nikmat Anggur itu.*

Kesimpulannya, Suhaimi menggambarkan Cinta Ilahi melalui tiga peringkat; pertama: kerinduan yang membawa kepada pertemuan, kedua: dakapan erat yang membuahakan kebahagiaan, ketiga: kesatuan yang menghasilkan kenikmatan. Oleh itu, Cinta Ilahi di sisi Suhaimi menyelusuri tiga tahap iaitu, rindu, cinta, dan nikmat.

## **2. Keagungan dan Kebesaran Ilahi.**

Tema keagungan dan kebesaran Ilahi dalam puisi Sufi di Malaysia mencerminkan usaha penyair untuk mendekati diri kepada Allah dan merenungi hakikat kewujudan makhluk yang menggambarkan keagungan ketuhanan. Kewujudan makhluk dan keindahannya dapat mengeratkan hubungan manusia dengan Pencipta. Dalam konteks puisi Sufi, tema ini biasanya diluahkan melalui unsur-unsur simbolik, metafora, alam semulajadi dan imej yang menggambarkan kebesaran Allah dan kerinduan insan untuk *fana* dengan-Nya.

Penyair menggunakan tema ini bagi mengemukakan beberapa makna tersirat, antaranya ialah makna keesaan, keagungan, keindahan dan kebesaran Allah. Puisi Sufi sentiasa menekankan konsep tauhid yang menggambarkan keesaan dan kebesaran Allah sebagai satu-satunya Pencipta dan Penguasa alam semesta. Penyair juga menggunakan simbol-simbol alam seperti langit, bintang, dan laut untuk menggambarkan keluasan kekuasaan dan keagungan Allah.

Dalam masa yang sama, tema ini membawa makna kerinduan dan kehambaan kepada Allah. Penyair selalu meluahkan perasaan rindu yang mendalam kepada Allah, serta kehambaan dan ketundukan mutlak kepada-Nya. Begitu juga penyair menggambarkan perjalanan rohani seorang insan yang menggali makna dan tujuan hidup melalui pengalaman spiritualiti yang mendalam.

Di samping itu, tema keagungan dan kebesaran Ilahi akan membawa kepada makna Cinta Ilahi yang merupakan elemen penting dan tujuan utama dalam puisi Sufi. Penyair menggambarkan cinta ini sebagai suatu naluri yang transenden dan

---

<sup>20</sup> Ibid. 23.

abadi, melebihi segala cinta duniawi. Cinta Ilahi ini diungkapkan melalui simbolik bahasa, di mana penyair mengumpamakan dirinya sebagai seorang pencinta setia yang sentiasa mendamba kehadiran Kekasihnya iaitu Allah SWT.

Tambahan pula, tema ini membawa makna pengalaman spiritual yang mengekstrakkan pengembaraan pengalaman rohani penyair, termasuk penghayatan yang mendalam terhadap kehadiran Ilahi atau perasaan bersatu dengan-Nya.

Pada waktu yang sama, penyair Sufi moden juga mengaitkan keindahan dan kebesaran alam semesta dengan keagungan Ilahi. Alam dilihat sebagai manifestasi langsung dari kebesaran Allah, yang mengundang rasa kagum serta kesedaran akan kehadiran Ilahi dalam segenap kehidupan.

Oleh hal yang demikian, tema keagungan dan kebesaran Ilahi dalam puisi Sufi Malaysia adalah satu medium untuk penyair mengekspresikan hubungan rohani mereka dengan Tuhan bagi menzahirkan rasa kehambaan, serta memperdalam penghayatan terhadap hakikat ketuhanan. Sebagai contoh, Suhaimi berkata:<sup>21</sup>

*Di negeri peribadi maha agung  
kembang mawar berkembang di taman mawar  
di Taman indah peribadi  
mengalirlah sungai anggur,  
sungai susu dan madu,  
Anggur kudus-Nya*

Secara keseluruhan, rangkap ini menggambarkan suasana rohani yang penuh dengan keindahan dan kenikmatan dalam hubungan dengan Ilahi. Penyair menggunakan simbol-simbol alam dan syurga untuk melukiskan pengalaman rohani seorang Sufi yang mendalam dalam cinta dan penyatuan dengan Yang Maha Kuasa.

Suhaimi juga berkata di dalam puisinya yang lain bagi menggambarkan makna keagungan Allah:<sup>22</sup>

*Sebagai Pencipta  
Kaulah Pengukir Murni Peribadiku  
Pengukir Murni Kemilau Mutiara  
Aku ialah Takjub yang mengembarai langit  
dan Kau adalah Keindahahan Yang Abadi*

Rangkap ini menyampaikan rasa kekaguman dan penghargaan terhadap Tuhan sebagai Pencipta yang memurnikan dan memperbaiki kehidupan, serta mengakui keindahan dan kemuliaan-Nya yang abadi.

Dalam puisinya yang lain, penyair menukilkan gambaran alam semulajadi yang terdapat di muka bumi ini adalah kesan dari kekuasaan Allah, seperti katanya:

*Mawar bertambah indah  
jika tanganmu menyentuhnya*

---

<sup>21</sup> Suhaimi Haji Muhammad. *Di Malam Gelita Ini*. 5.

<sup>22</sup> *Ibid.* 6.

*Mutiara bertambah seri  
oleh seri wajahmu  
fajar yang indah itu  
berasal dari seri kalbumu*

*yang dipancarkannya  
ialah pancaran atmamumu.*

Secara keseluruhan, puisi ini menekankan bahawa kecantikan dan keindahan yang berada pada diri sendiri adalah hasil daripada keindahan Allah. Sumber keindahan ini dapat mengungkap keagungan dan kebesaran Allah.

### **3. Pengembaraan kerohanian dan kenangan Ilahi.**

Tema pengembaraan rohani dalam puisi sufi merujuk kepada perjalanan spiritual seorang individu untuk mendekati Tuhan. Perjalanan ini melibatkan pencarian hakikat kebenaran, pembersihan jiwa, dan pencapaian kesedaran rohani yang lebih tinggi. Dalam konteks ini, puisi sufi menjadikan tempat-tempat pengembaraan dan kesan sejarah sebagai sumber tema yang selalu disampaikan melalui bahasa simbolik dan metafora yang mendalam.

Pengembaraan rohani dalam puisi sufi lazimnya dimulakan dengan perasaan resah dan sunyi seorang penyair akibat keterasingan dirinya dari Allah berikutan keterikatan duniawi. Penyair menyedari keperluan untuk melarikan diri dari bahana hawa nafsu, ego, dan keinginan duniawi sebagai langkah pertama menuju penyucian diri. Proses ini biasanya disimbolkan sebagai kembara perjalanan dari kegelapan ke arah cahaya, yang melambangkan ilmu kerohanian dan ketuhanan.

Di pengakhiran pengembaraan perjalanan rohani ini adalah penyatuan dengan Allah, di mana penyair menyedari bahawa dirinya tidak lagi wujud secara berasingan, sebaliknya berhubung dan berdampingan sepenuhnya dengan Allah seolah-olah kewujudannya adalah kewujudan Allah. Pengalaman pengembaraan ini digambarkan melalui perasaan cinta yang mendalam dan keintiman naluri semulajadi dengan Kekasihnya iaitu Sang Pencipta.

Dalam antologi ini, terdapat dua puisi sahaja yang menggambarkan tema pengembaraan rohani dan kenangan Ilahi iaitu dalam puisinya yang bertajuk "Masjid", dan "Di Masjid".

Dalam puisi "Masjid", penyair menggambarkan ujian dan cabaran yang sangat hebat dalam kehidupan penyair diumpamakan sebagai debu dan api yang menyelubungi dirinya seharian. Ketika dirinya bertemu dengan Allah, bersujud dan terus bersujud, maka segala debu tersebut akan berterbangan dan api akan padam, seperti katanya:<sup>23</sup>

*Di luar  
debu dan api*

---

<sup>23</sup> Suhaimi Muhamad, *Di Malam Gelita Ini*. 25.

*mengitari kubah  
seorang fakir  
telah bersatu dengan roh-nya  
terus sujud, terus terpaku.  
dia tidak berganjak  
dari kalbu sujudnya  
lagu sujud, lagi abadi.*

Seterusnya, penyair menyambung dalam puisi selepas ini bertajuk “Di Masjid” tentang kehidupan yang hancur remuk dilanda oleh pelbagai cabaran dan fitnah. Namun segalanya kembali pulih semula selepas penyair bertemu dengan Kekasihnya di rumah-Nya, seperti petikan puisinya:<sup>24</sup>

*Di luar  
segala makin mengabu  
makin gila  
cuba dengan permainan darah dan bunga  
dan kalbu panas  
Aku di dalam  
Melihat pula pada cermin,  
Menggerutu, hampir tertelan  
Semua suara itu.*

Tema pengembaraan rohani dalam karya Suhaimi adalah cerminan perjalanan jiwa penyair menuju ke sebuah kesempurnaan kehidupan melalui cinta dan pengabdian yang tulus kepada Allah SWT. Contohnya Suhaimi memilih masjid sebagai tempat pengembaraannya untuk mencari hakikat dirinya sebagai seorang hamba yang sentiasa bergelumang dengan debu-debu dosa. Di sepanjang pengembaraan ini, terdapat pelbagai rintangan yang harus ditempuhi oleh penyair. Rintangan ini merupakan godaan duniawi, kesukaran memahami hakikat ketuhanan, dan cabaran dalam menguasai diri sendiri. Namun, dengan kesabaran dan penyerahan sepenuhnya kepada Ilahi, penyair akan terus melangkah menuju tahap kerohanian yang lebih tinggi.

## **KESIMPULAN**

Antologi “*Di Malam Gelita Ini*” karya Suhaimi Haji Muhammad menampilkan tema-tema Sufi yang mendalam, menggambarkan kerinduan pada Ilahi, kecintaan pada-Nya, keagungan Allah dan kebesaran-Nya, serta perjalanan rohani yang penuh dengan renungan dan ketakwaan. Melalui karya-karyanya ini, Suhaimi berjaya mengangkat pemikiran Sufi ke dalam Sastera Malaysia dan menjadikan puisi-puisinya sebagai cerminan pencarian makna hidup yang lebih tinggi. Dengan gaya bahasa yang puitis dan simbolisme yang mendalam, tidak disangkal lagi bahawa antologi ini merupakan karya puisi Sufi Malaysia yang bukan sahaja memperkaya

---

<sup>24</sup> Suhaimi Haji Muhammad. *Di Malam Gelita Ini*.14.

khazanah kesusasteraan Melayu tetapi juga memberikan ruang untuk pembaca merenung ke dalam diri dan mendekatkan diri kepada Yang Maha Esa.

## RUJUKAN

- 'Abbaseh Muhammad. (2020). *Al-Tasawwuf al-Islamiy Bayna al-Ta'thir wa al-Taathhur*. Majallat Hauliyat al-Turath. No.10. Jami'ah Mustaghanem al-Jazair. 5-20.
- Aishah Isahak, Rosni Samah. (2023). *The Symbolism Of Malay Sufist Poet Ahmad Kamal Abdullah (Kemala)*. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies. Vol.32.No. 2. 277-293.
- Aishah Isahak.(2018). *The Effect of Arabic's Ghazal in Malay's Ghazal Poems: Analysis and Comparative Study*. Irbid: Kuliyyah al-Adab, Yarmouk University.
- Baharudin Ahmad. (2018). *Rangkaian Sastera Sufi*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Kundharu, Haniah. (2018). *Nuansa dan Simbol Sufistik: Puisi-puisi Karya Ahmad Mustofa Bisri*. Teosofi: Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam. Vol.8. No. 1. 31-61.
- Musa Haddad. (2022). *The Aesthetic of Mystical Symbol in "Lakhdar Ben Khaluf's Poetry, Case Study of Nature and Journey Symbols*. Majallat al-Dauriyat li al-Dirasat al-Adabiyah wa al-Insaniyyah. Vol. 4. No.1. 87-104.
- Qasimi Kahinah.(2020). *Topics of Ancient Algerian Sufi Poetry*. Majallah al-Tahbir. Vol. 2. Bil. 2. Penerbit Kulliyat al-Ādāb wa al-Funūn, Jāmi'at Ḥasībah b. Bū'Alī bi al-Shalaf al-Jazā'ir.
- Rosni Samah. (2009). *Towards Islamic Poems in Modern Malaysian Literature*. Majallat al-Jami'ah al-Islamiah. Vol.17. No. 1. 151- 178.
- Suhaimi Haji Muhammad. (1982). *Di Malam Gelita Ini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.